

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN AHMAD FAIZAL B. AZUMU (TAMBUN)

SOALAN

DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN DATO' AZUMU [TAMBUN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan antara punca penularan wabak COVID-19 adalah disebabkan kluster import. Apakah usaha kerajaan untuk memperketatkan sempadan negara terutama lubang-lubang tikus bagi mengurangkan risiko jangkitan daripada kluster import.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua,

Masalah pencerobohan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) ke Malaysia bukanlah satu isu yang baharu dihadapi negara. Kebanjiran PATI telah memberi implikasi negatif terhadap kedaulatan dan keselamatan negara. Kewujudan lorong-lorong tikus di sempadan darat dan maritim negara memudahkan kegiatan pencerobohan mereka. Antara langkah-langkah yang diambil demi memastikan kawalan sempadan tanah air tidak dicerobohi oleh PATI adalah melalui:

- i. Penubuhan *National Task Force* (NTF) pada 1 Mei 2020 melalui pelaksanaan Op BENTENG yang bertujuan untuk mengekang kemasukkan PATI ke tanah air yang diketuai oleh ATM dan dianggotai oleh agensi penguatkuasaan lain seperti PDRM, APMM, JIM, AKSEM, RELA, dan ESSCOM. Dengan adanya kerjasama yang erat ini, segala bentuk penugasan dapat diselaraskan mengikut situasi dan keadaan. Melalui kerjasama ini juga segala atur-gerak melibatkan aset-aset di darat, laut dan udara dapat diselaraskan dengan lebih sempurna bagi tujuan pemantauan di sempadan. Sepanjang pelaksanaan Op BENTENG yang bermula dari bulan Mei sehingga 19 November 2020, gabungan pelbagai pasukan penguatkuasaan negara telah berjaya menahan seramai 790 tekong dan 8,479 PATI daripada pelbagai negara.
- ii. Kementerian Dalam Negeri (KDN) juga sedang merangka pelan strategik secara holistik bagi memperkasakan kawalan keselamatan di sempadan negara. Pelan strategik tersebut akan melihat bukan sahaja keperluan perolehan aset serta fasiliti yang bersifat moden dan terkini seperti dron, *Armoured Personnel Carrier* (APC), *Night Vision Goggles* (NVG), *GPS Tracker* dan peralatan-peralatan lain untuk keselamatan sempadan, malahan aspek kesiapsiagaan dan keupayaan anggota pasukan keselamatan yang bertugas di sempadan juga akan diperkasakan.